



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***TEKS UCAPAN***

**YB TUAN GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

---

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI 2020**

**3 FEBRUARI 2020**

Salam sejahtera dan Salam Harapan.

**Yang Berhormat Dato' Eddin Syazlee Shith**

Timbalan Menteri

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Suriani Dato' Ahmad**

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Yang Berusaha Encik Shakib Ahmad Shakir**

Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Yang Berusaha Encik Tan Chuan Ou**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi**

**Warga Kementerian, Jabatan dan Agensi**

Salam sejahtera dan Salam Harapan.

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan majlis pada hari ini. Ini adalah Majlis Amanat buat ketiga kalinya diadakan sejak saya dilantik sebagai Menteri untuk menerajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
2. Dalam tempoh ini, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Kementerian ini dan saya ingin berterima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi dan semua warga KKMM kerana memberikan sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Baharu dalam menjayakan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan yang mengutamakan keperluan rakyat Malaysia.
3. Sepanjang tahun 2019, KKMM telah mencapai beberapa kejayaan yang baik sekali dan boleh dilihat dari beberapa aspek. Selain daripada itu, saya juga difahamkan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi KKMM telahpun menyiapkan dan sedang melaksanakan rancangan masing-masing untuk tahun 2020.

### **Pelan Gentian Optik & Kesalinghubungan Negara (NFCP)**

4. Pada 19 September 2019, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

5. Pelan 5 tahun (2019 – 2023) ini bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik bagi kesejahteraan Rakyat dan kemajuan negara untuk mempersiapkan negara berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0.
6. Secara keseluruhan, kos pelaksanaan NFCP adalah dianggarkan berjumlah RM21.6 bilion untuk tempoh 5 tahun dan juga dianggarkan akan mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan kepada rakyat.
7. SKMM telahpun memulakan kerja-kerja bagi mempertingkatkan infrastruktur digital di kawasan-kawasan yang tiada liputan atau mempunyai liputan yang terhad melalui inisiatif-inisiatif berikut:

**NFCP 1:** Pembinaan menara komunikasi baharu di 152 lokasi di 93 mukim di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan selular 3G dan 4G. Pelaksanaan projek ini akan bermula pada pertengahan Februari ini.

**NFCP 2:** Rancangan pembinaan menara komunikasi baharu di sekurang-kurangnya 500 lokasi di 210 mukim di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan selular 3G dan 4G. Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini.

***Kawasan Perindustrian:*** Selain daripada itu, SKMM juga sedang bekerjasama dengan MITI dan MIDA bagi menyediakan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kelajuan sehingga 1Gbps di 37 kawasan perindustrian terpilih di seluruh negara. Projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif NFCP dan INDUSTRY4WRD dijangka akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi digital di kawasan tersebut.

### **Persiapan untuk pelaksanaan 5G**

8. 5G bukan sahaja berkisar kepada usaha untuk meningkatkan kelajuan dan kesalinghubungan semata-mata, tetapi ia adalah pemboleh ubah penting ekonomi negara yang akan mempengaruhi kehidupan rakyat, perniagaan serta kerajaan.
9. Laporan terkini oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengenai impak ekonomi pelaksanaan perkhidmatan 5G di Malaysia menjangkakan, sumbangan daripada teknologi 5G kepada ekonomi negara akan mencecah RM12.7 bilion bagi tempoh antara tahun 2021 sehingga 2025. Ia juga mampu mewujudkan lebih 39,000 peluang pekerjaan baharu sepanjang tempoh tersebut.
10. Di bawah setiap kumpulan kerja dalam Pasukan Petugas 5G Kebangsaan (5G Taskforce) yang ditubuhkan pada 2018, projek-projek ujian 5G telah bermula dan masih dijalankan bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan cadangan-cadangan mengenai persiapan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan.

11. Sebanyak 72 kes-kes kegunaan 5G merentasi pelbagai industri sedang dilaksanakan di 56 tapak (*live sites*) di enam buah negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur, dengan anggaran pelaburan berjumlah RM143 juta daripada 8 syarikat.
12. Antara kes-kes kegunaan ini termasuklah lampu isyarat pintar, parkir pintar, pelancongan virtual, sistem keselamatan dan persempadanan, perubatan, perundingan perubatan jarak jauh, sistem kawalan bekalan air, pendidikan termasuk e-kelas, pertanian pintar, penjejakan kenderaan, permainan elektronik (*e-games*), peralatan kilang yang pintar, pengecaman wajah (*facial recognition*) dan banyak lagi.
13. Kedua-dua pameran demonstrasi kes-kes kegunaan 5G yang diadakan pada 18-21 April 2019 di Putrajaya dan baru-baru ini di Pulau Langkawi yang dihadiri YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang hangat daripada peserta dan hadirin.
14. Di samping itu, Geran Pembangunan Ekosistem 5G bernilai RM50 juta telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 bagi menggalakkan lebih banyak projek rintis aplikasi 5G dengan tujuan kes kegunaan 5G dapat dikomersilkan bermula suku ketiga tahun ini.

## **Ekonomi Digital dan Pembangunan Usahawan**

15. Inisiatif 'Perkhidmatan e-Dagang Setempat' (PeDAS) oleh MDEC yang menyasarkan para pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan luar bandar melalui Pusat Internet Desa (PID) pada tahun 2019 telah berjaya memanfaatkan 2,187 peserta.
16. Di samping itu, Kerajaan telah memperuntukkan RM70 juta untuk menubuhkan 14 pusat sehati 'Digital Enhancement Centre' di semua negeri untuk memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan perniagaan, khususnya perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana yang ingin mendigitalisasikan perniagaan mereka.
17. IKS juga digalakkan mengambil kesempatan untuk menerima pakai langkah pendigitalan untuk operasi syarikat dengan memohon geran yang telah diperuntukkan bawah Belanjawan 2020. Geran Padanan adalah sebanyak 50 peratus bernilai sehingga RM5,000 dan terbuka kepada 100,000 IKS pertama yang memohon.

### **Kandungan digital: E-Games, Animasi dan Permainan Digital**

18. Dasar Ekosistem Kandungan Digital (DICE) yang bakal diperkenalkan tahun ini akan memperkukuhkan industri kandungan digital tempatan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab industri pembuatan kandungan digital serantau.

19. Tidak boleh dinafikan bahawa kita mempunyai ramai bakat tempatan yang hebat dan bakal menerajui serta mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa dan jelasnya, ini telah menarik perhatian beberapa syarikat global yang terkenal untuk melabur di negara kita, termasuk Sony Interactive Entertainment Worldwide Studios (SIE WWS) yang memilih Malaysia sebagai lokasi studio permainan digital yang pertama di rantau ini.
20. Di samping itu, Larian Studios dari Belgium juga akan menubuhkan sebuah studio di Malaysia, yang merupakan studio kelima syarikat itu
21. Saya yakin industri kandungan digital negara kita akan membangun dengan pesat dengan adanya ekosistem yang mantap, terutamanya dengan adanya suntikan peruntukan Belanjawan 2020 sebanyak RM20 juta untuk memupuk jaguh-jaguh tempatan dalam menghasilkan kandungan digital.

### **Pembangunan bakat**

22. Sebuah pusat latihan dan kemahiran digital akan ditubuhkan dengan kerjasama syarikat global General Assembly (GA) bagi membangunkan bakat tempatan dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Ia merupakan kampus GA yang kedua di Asia Tenggara.



23. Kerjasama dengan Sunway Education Group telahpun dijalinan melalui MDEC untuk menubuhkan Ecole 42 yang berasal dari Perancis – sebuah sekolah pengaturcaraan (coding), tanpa keuntungan dan menawarkan pembelajaran percuma tanpa yuran.
  
24. Inisiatif ‘Young Digital Heroes’ telah melatih dan memberi pendedahan kemahiran digital kepada pelajar dan guru sekolah melalui Program My Digital Maker, Premier Digital Tech Institution dan Digital Ninja. Bagi tahun 2019, seramai 23 pelajar sekolah menengah dan IPT tempatan telah memenangi pelbagai pertandingan inovasi dan aplikasi digital di peringkat antarabangsa.
  
25. Pada tahun ini, demi membangunkan dan merancakkan ekosistem ekonomi digital, MDEC dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai “The Heart of Digital ASEAN” akan memberi tumpuan kepada 3 objektif utama iaitu:
  - Membangunkan bakat untuk memenuhi keperluan dan permintaan bidang teknologi
  - Mempergiat pembangunan syarikat-syarikat ekonomi digital bawah program GAIN
  - Menambahbaik dan memperkasakan sistem kandungan kreatif digital

## **Manfaat bagi golongan OKU**

26. Inisiatif yang baru yang dilaksanakan oleh MYNIC untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti diskaun 50% (daripada RM120 kepada RM60) untuk pendaftaran baharu nama domain .MY telah bermula sejak 1 Januari 2020.
27. Inisiatif MYNIC ini bertujuan memastikan bahawa tiada golongan yang terpinggir dalam revolusi digital global dan era Revolusi Industri 4.0, di mana penggunaan pelbagai aplikasi teknologi akan menjadi sebahagian daripada hidup harian masyarakat. Ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan dalam menyediakan yang terbaik untuk rakyat, terutamanya masyarakat yang lebih memerlukan.

## **Industri Kreatif**

28. Tahun 2019 menyaksikan pemeteraian perjanjian transaksi jualan di pasaran antarabangsa kandungan audio visual (MIPCOM) di Peranchis oleh FINAS berjumlah RM20.72 juta.
29. Tambahan lagi, transaksi jualan berjumlah RM16.23 juta dan RM9 juta dicatat di Asia TV Forum & Market dan Connect Asia 2019 masing-masing.

30. Rebat tunai Promosi Insentif Penggambaran Filem di Malaysia (FIMI) sebanyak 30% telah menarik minat 8 buah produksi luar negara yang berpotensi menjana pelaburan sebanyak RM90.3 juta.
31. Pada tahun lalu juga, Kerajaan Malaysia dan Australia telah memeterai perjanjian usaha sama penerbitan filem (*co-production treaty*) yang akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan baharu, dan membantu dalam pemasaran produksi tempatan di luar negara serta peningkatan kualiti dan kuantiti penerbitan. Perbincangan perjanjian ini telah bermula sejak 2007 dan akhirnya berjaya diselesaikan pada November 2019.
32. Satu lagi kejayaan yang membanggakan adalah kenaikan kadar harga program yang disiarkan di RTM sebanyak 10%-60% mengikut kategori, yang telah dilaksanakan bermula 1 Januari 2020 – setelah 33 tahun tidak dikaji.
33. Langkah ini amat penting bagi memberi suntikan kepada arena kandungan kreatif serta menambah peluang pekerjaan di kalangan pemain-pemain industri.

## **Kebebasan media dan pemeraksanaan industri media**

34. Oleh kerana Kerajaan ini memupuk prinsip kebebasan media, Malaysia yang menduduki tempat ke-145 pada tahun 2018 dalam senarai Indeks Kebebasan Media Dunia telah melonjak 22 anak tangga untuk menduduki tempat ke-123 pada tahun 2019.
35. Berikutan keputusan Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019 yang mempersetujui cadangan penubuhan sebuah Majlis Media sebagai sebuah badan kawal-selia sendiri, sebuah jawatankuasa pro-tem yang terdiri daripada 17 wakil daripada organisasi media cetak, elektronik dan dalam talian, media tempatan dan antarabangsa, kesatuan wartawan serta wakil badan bukan kerajaan telah ditubuhkan, selaras dengan janji Manifesto PH.
36. Satu lagi janji dalam manifesto ialah kajian semula dan pemansuhan akta-akta tertentu. Akta Berita Tidak Benar yang ditolak oleh Dewan Negara pada tahun 2018 telah berjaya dimansuhkan pada 19 Disember 2019.

## **Pembaharuan dan penambahbaikan dalam RTM**

37. Satu kaji selidik oleh Reuters Institute for the Study of Journalism menunjukkan bahawa RTM merupakan jenama media paling dipercayai pada tahun 2019.

38. Berita Nasional 8 telah memaparkan wajah dan imej baharu dengan perubahan set, kandungan lebih pelbagai dan visual yang lebih baik, dan konsep radio bervisual telah berjaya menarik perhatian para penonton.
39. Peralihan siaran analog kepada digital menandakan era baharu industri penyiaran negara, di mana platform TV digital myFreeview kini menawarkan 15 saluran TV dan 6 saluran radio percuma. Ini akan membawa kepada kandungan program-program TV yang lebih menarik dan berupaya meningkatkan jumlah tontonan RTM pada masa akan datang.
40. Saya dimaklumkan bahawa 3 program bual bicara (talk show) yang baharu telah dilaksanakan, dan juga rancangan baru 'Pastikan Sahih' yang bertujuan berkongsi maklumat yang benar dan membetulkan berita palsu yang viral dalam sosial media.
41. Tahun 2019 juga merupakan kali pertama RTM sebagai satu stesen terrestrial menyiarkan kejohanan Piala Dunia Rugby 2019. RTM juga adalah stesen TV tunggal tempatan yang menyiarkan Kejohanan COPA America 2019, dan berjaya membuat liputan Sukan SEA 2019 secara menyeluruh dari Filipina.
42. Bukan setakat itu, siaran langsung bolasepak Kelayakan Piala Dunia Qatar 2022 yang melibatkan kesemua perlawanan pasukan Malaysia akan disiarkan di RTM secara percuma kepada rakyat.

## **Proses pembaharuan dalam BERNAMA**

43. BERNAMA Radio kini dikenali sebagai 'Stesen Berita Bisnes Anda' dan menyiarkan berita bisnes terkini termasuk perbincangan yang bertumpukan kepada pembangunan keusahawanan dan bisnes, manakala Bernama News Channel (BNC) telah memperkenalkan 12 program baharu yang merangkumi isu-isu dan berita semasa, serta kandungan yang lebih berfokus kepada golongan muda.
44. Pada tahun 2019 juga, kami amat bangga dengan BERNAMA yang berjaya merangkul dua pengiktirafan pada Majlis Anugerah Kepimpinan Ikon Jenama Brand Laureate Yayasan Jenama Dunia.

## **Isu wabak Novel Coronavirus**

45. Baru-baru ini kita semua maklum bahawa dunia dilanda wabak Novel Koronavirus (2019-nCoV). Dalam menghadapi krisis ini, saya melihat pelbagai usaha proaktif dan kerjasama strategik antara jabatan dan agensi di bawah KKMM telah dijalankan.
46. Tanggungjawab utama KKMM adalah untuk memastikan penerangan dan maklumat penting yang benar dan sahih sampai kepada semua lapisan masyarakat. Dalam menjalankan amanah ini, saya telah melihat usaha-usaha kita melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dalam mengadakan program-program hebahan bersemuka yang dikenali sebagai 'Info on Wheels' (IOW) di seluruh negara.

47. Hebahan mengenai Novel Koronavirus telah diberi keutamaan sejak 27 Januari dan telah dijalankan di seluruh negara. Setakat 31 Januari 2020, sebanyak 432 program IOW telah berjaya dilaksanakan. Melalui program ini, orang ramai boleh mendapat pemahaman yang lebih baik kerana mereka boleh mendapatkan pencerahan secara langsung daripada pasukan unit hebahan tersebut jika ada keraguan atau ketidakpastian.
48. Begitu juga dengan usaha-usaha RTM dan BERNAMA yang telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan bahawa masyarakat mendapat berita dan maklumat yang sahih, ditentusah dan terkini mengenai wabak ini. Selain daripada laporan berita, pelbagai bahan penyampaian maklumat juga telah digunakan seperti video, kapsul dan infografik kesedaran awam dan langkah-langkah pencegahan dalam pelbagai bahasa.
49. Ini adalah penting bagi memastikan bahawa rakyat memahami dengan lebih mendalam mengenai wabak ini dan juga langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengawal dan mencegah penyebaran wabak ini.

### **Isu penularan berita palsu mengenai 2019-nCoV**

50. SKMM juga telah mengemaskini portal 'Sebenarnya.my' dengan maklumat yang sahih mengenai wabak ini dan sekaligus menangkis berita palsu yang bertabur di internet.

51. Setakat semalam, hampir 30 buah berita palsu telah ditangkis dan diperjelaskan di portal tersebut. Maklumat mengenai wabak 2019-nCov boleh diakses di bawah kategori 'Coronavirus 2019 N-Cov' di portal tersebut.
52. Saya berharap kesemua agensi di bawah KKMM, akan meneruskan usahasama yang kukuh ini dalam menyampaikan maklumat yang benar dan tepat kepada rakyat. Saya juga berharap bahawa dengan adanya portal ini serta agensi-agensi berita rasmi, kita dapat mengawal atau mengurangkan gejala penularan berita palsu dalam talian yang boleh memberi kesan kepada masyarakat dan negara.

## **Penutup**

53. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berharap kerjasama yang diberikan oleh semua pihak termasuk warga Kementerian, Jabatan dan Agensi dapat dipertingkatkan dan seterusnya mencapai sasaran dan halatuju Kementerian pada tahun ini.
54. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir dan bersama-sama kita semua merealisasikan objektif ini bagi memastikan KKMM mencapai kejayaan yang lebih baik pada tahun ini.

**Terima Kasih dan Salam Sayangi Malaysiaku.**